



SYARAT-SYARAT PERMOHONAN PROGRAM HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN TAHUN 2026

PEGAWAI PERKHIDMATAN GUNASAMA

Pegawai Perkhidmatan Gunasama bermaksud perkhidmatan yang Ketua Perkhidmatannya ialah Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA). Skim perkhidmatan yang terlibat ialah **Pegawai Tadbir dan Diplomatik dan Pegawai Psikologi**.

PEGAWAI PERKHIDMATAN BUKAN GUNASAMA

Pegawai Perkhidmatan Bukan Gunasama bermaksud pegawai-pegawai dalam perkhidmatan **selain daripada Skim Perkhidmatan Gunasama**.

1. Syarat Umum

- i. Pegawai kumpulan **Pengurusan dan Profesional (P&P)** lantikan tetap **Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Badan Berkanun Persekutuan** (kecuali Badan Berkanun Yang Diasingkan Saraan).
- ii. Telah **disahkan dalam skim perkhidmatan terkini** pada **1 Januari 2026**.
- iii. Mencapai purata markah minimum **Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) 85%** bagi tempoh **tiga (3) tahun terakhir berturut-turut (2023, 2024, 2025)** dalam skim perkhidmatan terkini. Penilaian setahun LNPT hendaklah genap 12 bulan.

Nota: Pegawai yang mempunyai rekod CTG/CSG/CBBP dalam tahun penilaian LNPT terlibat dan tahun penawaran tidak layak dipertimbangkan HLP ini.

- iv. Pegawai **berumur tidak melebihi 45 tahun** bagi pengajian peringkat **Ijazah Kedoktoran** (hanya pegawai yang lahir pada atau selepas 1 Januari 1982 sahaja) dan **50 tahun** bagi pengajian peringkat **Ijazah Sarjana** (hanya pegawai yang lahir pada atau selepas 1 Januari 1977 sahaja) pada **1 Januari 2027**.

- v. Telah berkhidmat sekurang-kurangnya **enam (6) tahun** dalam kumpulan **Pengurusan dan Profesional** pada **1 Januari 2026**.
- vi. Telah melepasi **tempoh menunggu selama tiga (3) tahun** dari tarikh tamat kursus jangka sederhana / kursus jangka panjang di dalam atau luar negara yang terdahulu dengan jayanya **pada 1 Januari 2026**.
- vii. Pegawai hendaklah mempunyai kelayakan **Ijazah Sarjana Muda kepujian (bagi permohonan mengikuti pengajian peringkat Ijazah Sarjana) atau Ijazah Sarjana (bagi permohonan mengikuti pengajian peringkat Ijazah Kedoktoran)** yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
*Nota: Kelayakan setaraf Ijazah Sarjana Muda merujuk kepada kelayakan yang digunakan untuk **pelantikan pegawai ke jawatan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional** mengikut syarat skim perkhidmatan atau **sijil APEL.A** untuk kemasukan ke program **Ijazah Sarjana**. Manakala kelayakan setaraf Ijazah Sarjana merujuk kepada sijil **APEL.A** untuk kemasukan ke program **Ijazah Kedoktoran**.*
- viii. Memohon peringkat pengajian yang **lebih tinggi daripada kelulusan akademik sedia ada** yang dimiliki pegawai.
- ix. Permohonan disokong oleh Ketua Jabatan dan diperakui oleh **Ketua Perkhidmatan / Pegawai Pengawal** melalui Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) masing-masing.
- x. **Bebas** daripada sebarang pertuduhan / tindakan tatatertib / dakwaan mahkamah.
- xi. **Tidak tersenarai dalam senarai hitam** pinjaman atau biasiswa JPA.
- xii. **Telah mengisytiharkan harta dalam tempoh lima (5) tahun** terkini.
- xiii. Pegawai yang **menghidap penyakit kronik / berjangkit / penyakit yang memerlukan rawatan susulan dibenarkan untuk memohon bagi pengajian di dalam negara**.
- xiv. Permohonan untuk mengikuti **pengajian ke luar negara dikehendaki bebas daripada penyakit kronik / berjangkit / penyakit yang memerlukan rawatan susulan dan disahkan sihat serta berupaya mengikuti pengajian sehingga tamat** oleh Pengamal Perubatan Berdaftar.

*Nota: Ahli keluarga pemohon yang dibawa bersama (pengajian luar negara) juga **perlu bebas** daripada sebarang penyakit kronik / berjangkit / penyakit yang memerlukan rawatan susulan. Sekiranya laporan perubatan mengesahkan pegawai atau ahli keluarga yang dibawa bersama (pengajian luar negara) menghidap penyakit kronik / berjangkit / penyakit yang memerlukan rawatan susulan, **penawaran HLP pegawai akan dibatalkan.***

2. Syarat Khusus

- i. Pegawai yang memohon HLP JPA untuk pengajian di peringkat **Ijazah Sarjana** dalam bidang pengajian **Ekonomi, Undang-undang, Seni Bina, Kaunseling dan Psikologi** hendaklah mempunyai **latar belakang akademik di peringkat Ijazah Pertama** dalam bidang-bidang tersebut.
- ii. Pegawai hanya dibenarkan memohon pengajian di **peringkat Ijazah Sarjana** yang menawarkan pengajian **tanpa perlu mengikuti kursus pra syarat.**
- iii. **Masih belum mendapat tempat di mana-mana institusi pengajian tinggi** sama ada di luar atau dalam negara;

atau

telah mendapat tempat pengajian tetapi belum memulakan pengajian di mana-mana institusi pengajian tinggi sama ada di luar atau dalam negara;

atau

bagi calon Ijazah Kedoktoran sahaja – telah memulakan pengajian pada tahun penawaran dibuka (tahun pertama pengajian sahaja) dengan syarat **perlu memohon penangguhan pengajian** daripada universiti bagi mengikuti **Kursus Persediaan Ijazah Lanjutan yang ditetapkan JPA.**

*Nota: Pegawai yang berjaya ditawarkan mengikuti pengajian Ijazah Sarjana (Penyelidikan) dan Ijazah Kedoktoran **diwajibkan untuk menyertai Kursus Persediaan Ijazah Lanjutan** di Institut Latihan Tadbiran Awam Negara (INTAN). Tawaran HLP akan **terbatal** sekiranya pegawai gagal mengikuti Kursus Persediaan Ijazah Lanjutan ini.*

- iv. Bidang pengajian yang dibenarkan di bawah program HLP Tahun 2026 mengikut skim perkhidmatan adalah seperti di **LAMPIRAN A (i), (ii) dan (iii)**. Penetapan bidang pengajian yang boleh dimohon adalah **TERHAD**

MENGIKUT SKIM PERKHIDMATAN masing-masing, sebagaimana persetujuan oleh Ketua Perkhidmatan setiap skim.

- v. Menyediakan **Kertas Cadangan Penyelidikan / Pengajian (dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris)** mengikut panduan seperti di **LAMPIRAN C** dan menyediakan pernyataan ringkas berhubung sumbangan pegawai kepada organisasi mengikut panduan seperti di **LAMPIRAN D**.

3. Peringkat Pengajian

- i. Dua (2) peringkat pengajian ditawarkan bagi HLP Tahun 2026 iaitu:
 - (a) **Ph.D - universiti dalam dan luar negara; dan**
 - (b) **Sarjana - universiti dalam dan luar negara.**
- ii. Pegawai yang pernah ditaja Program HLP JPA ke luar negara di peringkat Ijazah Sarjana hanya dibenarkan untuk memohon pengajian **di dalam negara** bagi penawaran Program HLP JPA di **peringkat Ijazah Kedoktoran**.
- iii. Pegawai yang sedang mengikuti pengajian di peringkat sarjana dan kemudiannya **DITAWARKAN OLEH INSTITUSI untuk menaiktaraf pengajian ke peringkat kedoktoran**, boleh dipertimbangkan naik taraf pengajian dan tidak tertakluk kepada tempoh menunggu. Tempoh cuti belajar akan **diselaraskan mengikut tempoh pengajian di peringkat kedoktoran**, bermula dari tarikh cuti belajar di peringkat sarjana
- iv. Pengajian berstruktur baharu seperti ***Industrial Ph.D, Doctorate in Business Administration (DBA) atau Doctor of Management (DMgt)*** yang dijalankan **di Institusi Pengajian Tinggi dalam negara** yang ditetapkan oleh JPA juga dibenarkan di bawah program HLP JPA Tahun 2026.
- v. Pengajian secara **Kerja Kursus (Coursework)** di peringkat Ijazah **Sarjana** perlu melibatkan **sekurang-kurangnya enam (6) jam kredit** dalam bentuk **tesis, disertasi atau kertas projek penyelidikan**.

4. Institusi Pengajian

Pegawai perlu memilih institusi pengajian mengikut kategori yang ditetapkan seperti berikut:

(a) **Luar Negara**

- (i) Senarai **Type A dan Type B** dalam *Top Global Universities (The Top Global University Project)* bagi pengajian di Jepun;
- (ii) Senarai **kedudukan 100 teratas** secara keseluruhan dalam *Times Higher Education (THE) World University Rankings*;
- (iii) Senarai **kedudukan 100 teratas** secara keseluruhan dalam *Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings*; atau
- (iv) Senarai **kedudukan 50 teratas** secara keseluruhan dalam *Academic Ranking of World Universities (ARWU)*.

(b) **Dalam Negara**

Senarai Institusi Pengajian Tinggi dalam negara yang ditetapkan oleh JPA seperti dalam **LAMPIRAN B**.

5. Ujian Khas

Pemohon yang melepasi saringan awal adalah **diwajibkan** untuk menduduki Ujian Khas secara *online* pada tarikh yang akan dimaklumkan kelak. Ujian ini hanya boleh **DIDUDUKI DALAM TEMPOH DITETAPKAN SAHAJA** dan kegagalan untuk berbuat demikian akan **MENJEJASKAN PELUANG PENAWARAN HLP JPA**.

6. Kemudahan

Pegawai yang berjaya dipilih dan ditawarkan **Hadiah Latihan Persekutuan** akan turut menerima **Cuti Belajar Bergaji Penuh**.


7. Ujian Bahasa Inggeris

- i. Pemohon yang berjaya ditawarkan HLP JPA untuk **pengajian di dalam negara tidak perlu mengambil ujian Bahasa Inggeris** tertakluk kepada keperluan university.
- ii. Pemohon yang berjaya ditawarkan HLP JPA untuk **pengajian di luar negara** perlu **lulus ujian Bahasa Inggeris** dengan memperoleh skor minimum seperti berikut:

- (a) IELTS: Band 6.5 ke atas; atau
- (b) TOEFL: *Internet Based*: 92 points / *Paper Based*: 580 points dan ke atas.

8. Ikatan Perjanjian Dengan Kerajaan

- i. Pegawai yang diluluskan penajaan di bawah program ini akan dikenakan **ikatan berkhidmat** dengan Kerajaan dan tuntutan ganti rugi (jika berkaitan), selaras dengan Jadual 1, Lampiran SR.5.1.8(E), Ceraian SR.5.1.8, Kemudahan Cuti Belajar Dan Biasiswa Dalam Perkhidmatan.
- ii. Pegawai yang berjaya menamatkan pengajian dengan jaya **tidak dijamin untuk kenaikan pangkat** ke jawatan yang lebih tinggi.
- iii. Pegawai yang sedang mengikuti program ini dan dikenakan tindakan tatatertib atau disiplin atau tindakan mahkamah, boleh **ditamatkan dan ditarik kemudahan** program ini.



JPA